



Sepuluh pemenang **menunjukkan pingat yang dimenangi** dalam British Inovation Show pada majlis mengenai Rekabentuk dan Inovasi di UNIMAS. [FOTO MAS ADIB SAIE/BH]

# 'UNIMAS mahu jual hak cipta'

» Hasil inovasi di negara ini dilihat terlalu perlahan dieksploitasi

Oleh Muhd Amirul Faiz Ahmad

amifaiz@bharian.com.my

► Kota Samarahan

**K**ejayaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) merangkul pelbagai anugerah dalam pertandingan inovasi peringkat antarabangsa, akan terkubur sekiranya pemain industri ti-

dak mengkomersialkannya.

Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid, berkata berbanding negara maju, persekitaran perniagaan di negara ini dilihat terlalu perlahan mengeksploitasi dan menambah baik hasil inovasi yang sebahagian besarnya mempunyai nilai tinggi di pasaran.

Beliau berkata, jika keadaan ini berterusan, UNIMAS mempertimbangkan tiga inisiatif iaitu menjual sepenuhnya hak cipta, membuat pemasaran sendiri atau membangunkan inovasi produk bersama dengan pihak industri.

## Raih 11 Anugerah Emas

"UNIMAS menyapu bersih 11 Anugerah Emas selain membawa pulang anugerah uta-

ma, Anugerah Permata dalam pertandingan British Inventors Society (BIS), di London baru-baru ini. Ini membuktikan idea anak tempatan mampu diketengahkan apabila menewaskan peserta dari 20 negara yang mengambil bahagian.

"Kejayaan inovasi UNIMAS di BIS 2012 membabitkan penciptaan produk berdasarkan keperluan semasa dan mampu dikomersialkan secepat mungkin," katanya selepas menghadiri Persidangan Antarabangsa mengenai Rekabentuk dan Inovasi di sini, semalam.

Persidangan itu dirasmikan Presiden Majlis Rekabentuk, Prof Datuk Dr Ahmad Zainuddin mewakili Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Fadillah Yusof.

Sementara itu, pensyarah Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Norhayati Suleiman berkata, penciptaan produk *Wearable Sleeping Bag* yang dipilih sebagai penerima Anugerah Permata, menjadi antara kebanggaan UNIMAS apabila turut membawa pulang dua Anugerah Emas dan Anugerah Khas Romania.

## Kebanggaan UNIMAS

"Produk ini berjaya mencuri tumpuan hakim kerana menggabungkan fabrik khemah untuk dijadikan baju panas selain mampu menjadi alas tidur ketika melakukan aktiviti di hutan," katanya.

Katanya, prototaip inovasi itu mengambil masa selama setahun untuk disiapkan dan fokus utama pemasaran adalah di negara sejuk.